

13/06/2004

Dasar baru banteras eksploitasi pekerja asing

By Ismail Mat; Ziauddin Sharuddin

PEKERJA asing sudah menjadi sebahagian daripada elemen penting yang membantu pembangunan negara ini sejak lebih 20 tahun lalu berikutan kekurangan tenaga buruh tempatan.

Pada masa sama, pelbagai isu dan masalah sering berbangkit berikutan kehadiran warga asing yang sudah mencapai lebih dua juta termasuk sebahagiannya pendatang tanpa izin. Ini mendorong berlakunya kes jenayah sama ada sesama sendiri atau dengan warga tempatan.

Wartawan Berita Minggu, ISMAIL MAT dan ZIAUDDIN SHARUDDIN menemui Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid untuk menghuraikan permasalahan pekerja asing termasuk pembantu rumah dan cara menanganinya.

BERDASARKAN pertumbuhan ekonomi negara yang semakin pesat, ada kemungkinan kebanjiran pekerja asing terus berlaku. Bagaimana kerajaan menangani perkara ini?

Kebanjiran pendatang akan terus berlaku. Ketika Eropah berkembang pesat dulu, ia menarik penghijrahan ramai termasuk rakyat kita yang bekerja membasuh pinggan sambil belajar. Jerman yang mengalami pertumbuhan ekonomi pesat selepas Perang Dunia Kedua juga menghadapi masalah pendatang asing halal dan haram. Ibarat air yang akan mencari parasnya, di mana ada lubang, air akan terus masuk.

Ini berlaku kerana wujud ketidakseimbangan ekonomi antara jiran, apabila sesebuah negara berlaku kemelesetan kerana sebab tertentu, tidak stabil politik dan ekonomi lemah, penduduk yang bertambah banyak mencari jalan untuk hidup. Ini adalah kenyataan. Berikutan itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata dasar Malaysia ialah memakmurkan jiran, lalu mengarahkan syarikat ladang kita melabur di negara jiran.

Banyak syarikat membuka ladang di Indonesia supaya rakyat mereka kekal di sana dan syarikat kita tetap mendapat untung. Pekerja asing dari Thailand kini sudah tak mahu duduk di sini, mereka hanya bekerja dan balik. Dulu pembantu rumah Thailand mudah diperolehi tetapi sekarang susah sebab ekonomi negara itu bertambah baik dan gaji yang diperolehi di sana juga tinggi.

(END)